

- 7.7.3 Apabila semua perkara telah diselesaikan dan tiada rundingan lanjut diperlukan, Surat Setujuterima hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender.
- 7.7.4 Setelah kelulusan diterima daripada Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Khas dan kelulusan daripada Perbendaharaan (sekiranya harga tender yang akan disetujuterima melebihi RM100 juta) tender disetujuterima dengan pengeluaran Surat Setujuterima Tender melalui borang JKR 203D-Pin.9/2010 (Lihat Lampiran 7L).
- 7.7.5 Sebelum Surat Setujuterima Tender dikeluarkan, pengesahan hendaklah dibuat dengan Jabatan/Kementerian Pelanggan mengenai peruntukan. Bagi projek bangunan, jumlah anggaran projek - termasuk harga tender yang diterima, kos yang berkaitan yang tidak dimasukkan di dalam harga tender seperti bayaran kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan peruntukan untuk pelarasan perubahan harga dan kontingensi dan lain-lain hendaklah disediakan dengan menggunakan borang "As Tendered Detailed Abstract (ATDA) PWD 142B – Rev. '91". (Rujuk Bab 4 - Lampiran 4C). Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah mendapatkan pengesahan daripada Perbendaharaan tentang terdapatnya peruntukan sebelum mengarahkan JKR meneruskan dengan pengeluaran Surat Setujuterima Tender.²⁰
- 7.7.6 Surat Setujuterima Tender hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa Menandatangani Kontrak. Kuasa bagi menandatangani Surat Setujuterima Tender adalah pegawai awam yang diberi kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973)²¹ (Rujuk Bab 8 – Lampiran 8C).
- 7.7.7 Setelah Surat Setujuterima Tender ditandatangani, ia hendaklah diserahkan kepada petender yang berjaya dan salinannya hendaklah diserahkan kepada pihak-pihak yang berkaitan sepertimana tersenarai di dalam contoh Surat Setujuterima Tender. (Rujuk: JKR. 203D-Pin. 9/2010).

²⁰ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1/2000 bertarikh 29.2.00.

²¹ Pemberian Kuasa Daripada Menteri Kerja Raya Untuk Menandatangani Kontrak-Kontrak Kerajaan – Sek.2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973) KKR.BK.400-12/2/9 Jld.8(79) bertarikh 14 Julai 2009